



Sebahagian pelajar dan tenaga pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menunjukkan lambang 1Malaysia pada majlis pelancaran makanan baru, di UniSZA Kampus Kota, Kuala Terengganu, Terengganu.

[FOTO YUSMAIZI KARIM / BH]

Selasa 22 Januari 2013 **sinarharian**

skwad cakna **Rahayu Mustafa**
019-9391256 / 019-9391186

MS T3

Unisza lahir 30 doktor pakar

KUALA TERENGGANU – Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) akan melahirkan 30 orang doktor pakar tahun depan yang akan menjadi tenaga pengajar di hospital-hospital dan juga hospital universiti itu apabila beroperasi kelak.

Naib Canselornya, Prof Dr Yahaya Ibrahim berkata, ini merupakan kumpulan pertama pelajar dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan yang bakal menamatkan pengajian tahun depan.

Menurutnya, 30 pelajar jurusan perubatan akan keluar dan mereka memerlukan tempat kerana Hospital Sultanah Nur Zaherah (HSNZ) tidak mampu menerima pelajar dari Unisza.

“Saya akan cuba berbincang dengan pihak bertanggung jawab untuk mempercepatkan pembinaan hospital universiti kerana tuntutan dan juga keperluan pengajaran di fakulti perubatan ini sangat kritikal,” katanya.

Menurutnya, pembinaan hospital di kawasan itu nanti sangat memberi manfaat kepada pelajar terutama dari Unisza memberi khidmat dan sumbangan kepada masyarakat setempat.



PROF DR YAHAYA IBRAHIM

Selesai masalah banjir

14/1/13 Sinar M/S 14

KUALA TERENGGANU – Masalah banjir yang sering berlaku di Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) Kampus Gong Badak pada setiap kali musim tengkujuh akan diselesaikan dengan segera.

Naib Canselor Unisza, Prof Dr Yahaya Ibrahim berkata, bagi menyelesaikan masalah itu Unisza akan melantik konsultan bertauliah dalam tempoh terdekat supaya kejadian seperti sebelum ini tidak berulang.

“Masalah banjir perlu diselesaikan dengan segera kerana ia telah mengakibatkan kerosakan kepada bangunan serta peralatan yang ada dalam bangunan. Insya-ALLAH, kita akan memanggil konsultan dalam tempoh terdekat,” katanya pada sidang media selepas melawat Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni di Kampus Gong Badak, di sini, semalam yang turut dihadiri, Dekan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Dr Abdul Hakim Abdullah.

Menurutnya, misinya dalam menerajui Unisza adalah untuk mengangkat martabat universiti itu ke tahap lebih tinggi dalam konteks pembangunan akademik, kecemerlangan dan juga usaha melengkapkan pembangunan sebuah kampus yang serba lengkap.



Yahaya bersalaman dengan sebahagian warga Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Unisza semasa mengadakan perjumpaan, semalam.